

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA


PENGESAHAN STATUS LAPORAN PROJEK SARJANA MUDA

**PENGURUSAN TAMAN REKREASI AWAM TERHADAP HUTAN BANDAR DI
JOHOR BAHRU**

SESI PENGAJIAN : 2017/2018

Saya **NOORBUSYRA BINTI IDRIS** mengaku membenarkan Laporan Projek Sarjana Muda ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Laporan Projek Sarjana Muda adalah hak milik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (√)



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)



TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

ALAMAT TETAP:
36, Kampung Sungai Baru Tengah,
05150 Alor Setar,
Kedah.

SR. ZARINA BT SHAMSUDIN

Tarikh: _____

Tarikh: _____

CATATAN:

** Jika Laporan Projek Sarjana Muda ini SULIT atau TERHAD, Sila Lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

**PENGURUSAN TAMAN REKREASI TERHADAP HUTAN BANDAR JOHOR
BAHRU**

NOORBUSYRA BINTI IDRIS

**Laporan Projek ini dikemukakan sebagai
Memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah Dengan Kepujian**

**Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

DISEMBER 2017

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

Pelajar :
NOORBUSYRA BINTI IDRIS

Tarikh :

Penyelia :
SR. ZARINA BT SHAMSUDIN

DEDIKASI

Teristimewa buat kedua ibubapa ku,
IDRIS BIN MOHD NOOR & NOOR ZAI BT SHERIFF
Terima kasih di atas doa dan restu yang
diberikan.

Buat penyelia yang dihormati,
SR. ZARINA BT SHAMSUDIN
Terima kasih atas bimbingan dan galakkan yang diberikan

Buat teman sekalian,
REALTORS & UTHM
Terima kasih atas dorongan dan bantuan kalian

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah di atas segala limpah kurnia-Nya yang mempermudah segala perjalanan saya untuk menyiapkan kajian ini dengan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Sr. Zarina bt Shamsudin selaku penyelia bagi Projek Sarjana Muda ini diatas segala bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang proses penyelidikan ini. Begitu juga kepada panel-panel yang telah memberikan kritikan membina kepada saya.

Jutaan terima kasih ditujukan khas buat ayah dan ibu tercinta iaitu Idris bin Mohd Noor dan Noor Zai bt Sheriff, serta semua ahli keluarga yang tidak jemu memberi dorongan kepada saya sehingga saya mampu menyempurnakan penyelidikan ini.

Seterusnya, setulus penghargaan ditujukan kepada pihak pengurusan Taman Rekreasi Awam terutamanya Pegawai di Unit Pengurusan Taman dan Pengawai Majlis Bandaraya Johor Bahru diatas kerjasama yang baik diberikan kepada saya dalam usaha mendapatkan maklumat berkenaan dengan penyelidikan ini.

Tidak dilupakan, sahabat-sahabat seperjuangan yang bersama-sama dalam menjalani pengajian tesis ini, yang banyak memberikan dorongan dan bantuan dalam menjayakan penyelidikan ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam penyempurnaan penyelidikan ini. Semoga segala usaha kita diredai seterusnya memperoleh kejayaan kelak.

ABSTRAK

Taman Rekreasi Awam merupakan salah satu fasiliti yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kepada masyarakat sesebuah bandar. Adalah menjadi sebahagian daripada tanggungjawab pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk menyediakan kemudahan infrastruktur serta kemudahan fasiliti yang baik dan sempurna. Walaubagaimanapun, isu yang sering timbul untuk menarik ramai pengunjung di mana aktiviti-aktiviti yang disediakan adalah kurang dan tidak meliputi kemudahan yang bersesuaian kepada semua golongan di dalam Majlis Bandaraya Johor Bahru serta sistem pengurusan yang tidak teratur oleh kakitangan yang kurang berkemahiran dan berpengalaman di dalam pengurusan taman rekreasi awam. Oleh itu, ia tidak mampu untuk mengurus dan membuat perancangan dengan lebih baik. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sistem pengurusan Taman Rekreasi Awam Hutan Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru dalam menyediakan kemudahan fasiliti rekreasi kepada masyarakat setempat dan mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan permasalahan dalam menyediakan kemudahan fasiliti rekreasi kepada masyarakat setempat. Kawasan kajian ini adalah Hutan Bandar Mutiara Rini yang terletak di Taman Mutiara Rini, Skudai. Data dikumpul secara kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kuantitatif melibatkan 100 kepada pengunjung dan 16 kepada pihak pengurusan taman rekreasi awam. Manakala kualitatif melibatkan temubual kepada pengunjung dan juga pihak berkepentingan yang terlibat. Analisis data daripada hasil temubual adalah menggunakan kaedah tematik dan analisis deskriptif, skala likert dan nilai min untuk data yang diperolehi daripada borang kajiselidik. Hasil kajian ini telah menunjukkan sistem pengurusan yang telah digunapakai oleh pihak pengurusan di dalam menyediakan kemudahan fasiliti rekreasi serta dapat mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya permasalahan dalam menyediakan kemudahan fasiliti rekreasi kepada masyarakat setempat.

ABSTRACT

The Public Recreation Park is one of the facilities provided by Local Authorities to the community of a city. It is part of the responsibility of the Johor Bahru City Council to provide infrastructure and facilities that are good and perfect. However, frequent issues arise to attract many visitors where the activities provided are less and do not cover the appropriate facilities for all the people in the Johor Bahru City Council as well as the irregular management system by less skilled and experienced staff in management public recreation park. Therefore, it is not able to manage and plan better. The purpose of this study is to identify the management system of the Johor Bahru City Municipal Public Recreation Park in providing recreation facilities for the local community and to study the factors that cause problems in providing recreational facilities to local communities. The study area is Mutiara Rini Town Forest located at Taman Mutiara Rini, Skudai. The data are collected in a qualitative and quantitative way. Quantitative methods involve 100 to visitors and 16 to public park park management. While qualitative involves interviews to visitors as well as stakeholders involved. Data analysis from the interviews was using thematic method and descriptive analysis, likert scale and mean value for the data obtained from the questionnaire. The results of this study have shown management systems that have been used by management in providing recreation facilities as well as identifying factors that cause problems in providing recreational facilities to local communities.

KANDUNGAN

	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan masalah	3
	1.3 Isu kajian	4
	1.4 Persoalan kajian	5
	1.5 Objektif kajian	5
	1.6 Skop kajian	5

1.7	Kepentingan kajian	6
1.8	Metodologi kajian	7
1.8.1	Peringkat pertama (Pengenalan)	7
1.8.2	Peringkat kedua (Pengumpulan data)	7
1.8.3	Peringkat ketiga (Analisa kajian)	9
1.8.4	Peringkat keempat (Kesimpulan dan cadangan)	9
1.9	Kesimpulan	9
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	11
2.1	Taman rekreasi awam	11
2.2	Tujuan dan objektif mewujudkan taman rekreasi	12
2.3	Keperluan dan kepentingan taman rekreasi awam	13
2.4	Kepentingan taman rekreasi	15
2.5	Perancangan pembangunan dan kemudahan fasiliti taman rekreasi	17
2.5.1	Prinsip asas untuk perancangan taman rekreasi	18
2.5.2	Langkah-langkah di dalam perancangan taman rekreasi	22
2.6	Pengurusan taman rekreasi	28
2.7	Pengurusan program	32
2.7.1	Prinsip penyediaan perancangan program	33
2.8	Pengurusan penyelenggaraan dan kemudahan taman rekreasi	34
2.8.1	Penyelenggaraan bangunan dan kemudahan	34

2.8.2	Pengurusan penyelenggaraan kawasan dan lanskap	36
2.9	Pengurusan fasiliti dalam taman rekreasi awam	37
2.9.1	Fungsi pengurusan fasiliti	38
2.10	Kesimpulan	40
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	41
3.1	Pengenalan	41
3.2	Aliran kajian	43
3.2.1	Mengenalpasti isu dan masalah	44
3.2.2	Objektif dan skop kajian	44
3.2.3	Kajian literature	45
3.2.4	Metodologi kajian	45
3.2.4.1	Data primer	45
3.2.4.2	Data Sekunder	47
3.2.5	Analisis kajian	47
3.2.5.1	Kaedah analisis termatik	47
3.2.5.2	Kaedah analisis kekerapan	48
3.2.5.3	Kaedah analisis deskriptif	48
3.2.5.4	Kaedah analisis skala likert	48
3.3	Kaedah kajian	49
3.3.1	Teknik kualitatif	49
3.3.2	Teknik kuantitatif	49
3.3.2.1	Borang kajiselidik	50

3.4	Dapatan kajian	50
3.5	Kesimpulan	51
BAB 4	HASIL DAN ANALISA KAJIAN	52
4.1	Pengenalan	52
4.2	Kaedah Pengumpulan data	53
4.2.1	Pengumpulan data melalui temubual	54
4.2.2	Pengumpulan data melalui borang soal selidik	54
4.2.2.1	Format boring soal selidik	55
4.3	Teknik analisa yang digunakan	56
4.3.1	Pengskalaan likert	56
4.3.2	Analisa statistik kekerapan	58
4.4	Analisis terhadap pengawai dan kakitangan pengurusan taman rekreasi hutan bandar	59
4.4.1	Analisa soal selidik Bahagian A bagi pengawai dan kakitangan	59
4.4.2	Analisa soal selidik Bahagian B bagi pengawai dan kakitangan	65
4.5	Analisa terhadap pengunjung ke taman rekreasi hutan bandar	70
4.5.1	Analisa soal selidik Bahagian A untuk pengunjung atau pengguna	71

4.6	Analisa Bahagian B bagi pengawai dan kakitangan dan pengunjung atau pengguna menggunakan analisa likert scalling	78
4.6.1	Analisa faktor-faktor tahap penilaian kemudahan fasiliti yang disediakan kepada pengunjung dan pengguna	79
4.6.2	Analisa faktor-faktor tahap kepuasan pengunjung dan pengguna terhadap kemudahan fasiliti yang disediakan oleh unit pengurusan tamab rekreasi hutan bandar	83
4.7	Kesimpulan	86
BAB 5	CADANGAN DAN KESIMPULAN	88
5.1	Pengenalan	88
5.2	Cadangan	89
5.2.1	Cadangan kepada pihak pentadbiran MBBJ	89
5.2.2	Cadangan kepada pihak pengurusan taman rekreasi hutan bandar	91
5.3	Penemuan kajian	91
5.3.1	Pencapaian objektif kajian pertama	92
5.3.2	Pencapaian objektif kajian kedua	92
5.4	Limitasi dan permasalahan	93
5.5	Cadangan kajian lanjutan	94
5.6	Kesimpulan	94

RUJUKAN	96
LAMPIRAN A	98
LAMPIRAN B	107
LAMPIRAN C	115

VITA

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Muka Surat
4.1	Langkah pengiraan likert scalling	58
4.2	Senarai Pencapaian Penilaian Tahap Penyediaan Kemudahan Fasiliti yang Diperlukan Kepada Pengunjung oleh Responden	79
4.3	Skala dan penilaian	81
4.4	Susunan kepentingan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penilaian terhadap penyediaan kemudahan yang disediakan kepada pengunjung atau pengguna.	81

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
3.1	Carta Alir Metodologi Kajian	43
4.1	Menunjukkan Taburan Jantina Staf atau Pekerja	60
4.2	Taburan Umur Pengawai dan Kakitangan	61
4.3	Taburan Bangsa Pengawai dan Kakitangan	62
4.4	Taburan Pencapaian Akademik Pengawai dan Kakitangan	62
4.5	Taburan Penjawatan Pengawai dan Kakitangan	63
4.6	Taburan Tempoh Berkhidmat di Hutan Bandar Pengawai dan Kakitangan	64
4.7	Menunjukkan Pecahan Penempatan kerja kakitangan Unit Pengurusan Taman Rekreasi Hutan	65
4.8	Mengenai Objektif Bahagian	66
4.9	Jadual Kerja atau Manual Kerja yang Dibekalkan	67
5.0	Taburan Mengenai Cara Meningkatkan Mutu Kerja di Kalangan Staf dan Kakitangan	68
5.1	Taburan Masalah yang Dihadapi Semasa Menjalankan Tugas	69
5.2	Agihan Data Mengenai Kesselesaian Dengan Persekitaran kerja	70
5.3	Taburan Mengikut Jantina Responden	71
5.4	Taburan Umur Pengunjung	72
5.5	Taburan responden Mengikut Bangsa	73
5.6	Taburan Mengikut Latar Belakang Akademik Pengunjung	74
5.7	Taburan Mengikut Jenis Pekerjaan Pengunjung	75
5.8	Taburan Mengikut Tujuan Berkunjung ke Taman Rekreasi Hutan Bandar	76
5.9	Taburan Mengikut Daya Tarikan Hutan Bandar Berdasarkan Respon dari Responden	77
6.0	Menunjukkan Taburan Mengikut Komponen yang Selalu Dikunjungi oleh Responden	78

SENARAI SINGKATAN

MBJB	-	Majlis Bandaraya Johor Bahru
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Tajuk	Muka Surat
A	Borang soal selidik pengawai dan kakitangan	79
B	Borangsoal selidik pengunjung dan pengguna	81
C	Kertas Seminar Projek Sarjana Muda	89

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Taman Rekreasi Awam adalah merupakan salah satu fasiliti yang perlu disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kepada masyarakat sesebuah bandar. Taman rekreasi awam diadakan bertujuan bagi memberi kemudahan berekreasi berdasarkan kepada suasana semulajadi bagi sesuatu kawasan atau yang mempunyai ciri-ciri tertentu bagi memenuhi keperluan fizikal masyarakat serta sebagai tempat untuk mewujudkan pergaulan di antara kaum di dalam sesebuah bandar. Disamping itu juga dengan wujudnya Taman Rekreasi ini ianya dapat memberikan keseimbangan kepada pembangunan di dalam sesebuah bandar. Berdasarkan (Kraus 1990), nilai sesuatu aktiviti rekreasi adalah berdasarkan kepada bentuk fizikal, emosi, sosial, intelektual dan spiritual. Sesuatu kawasan lapang yang sesuai dan mempunyai suasana alam semulajadi di dalam kawasan bandar adalah diperlukan bagi menyediakan kawasan rekreasi kepada komunitinya.

Berdasarkan Akta Perancangan Bandar Dan Desa di bawah Akta 172, telah mensyaratkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk merancang pembangunan sesebuah kawasan penempatan atau pusat pertumbuhan kawasan hijau serta rekreasi diperlukan bagi memenuhi keperluan penduduk sejagat. Selaras dengan itu adalah menjadi salah satu syarat untuk mendapatkan Kelulusan Merancang oleh pemaju-pemaju di dalam membangunkan sesebuah kawasan rekreasi kepada komuniti, perlu

menyediakan rizab atau menyediakan kemudahan rekreasi sekurang-kurangnya dalam peratusan yang kecil dari keseluruhan kawasan pembangunan untuk komunitinya.

Dengan wujudnya kawasan rekreasi yang menarik dan berfungsi ini, ianya boleh meningkatkan imej sesebuah bandar atau Pihak Berkuasa Tempatan. Dalam usaha tersebut Majlis Bandaraya Johor Bahru telah dipilih sebagai salah sebuah Bandaraya Sejahtera oleh pihak UNESCO bagi mengiktiraf usaha Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi menyediakan kemudahan taman rekreasi awam untuk keperluan komunitinya. Oleh sebab corak kehidupan di kawasan bandar yang sibuk terutamanya dari segi melaksanakan tugas seharian seperti bekerja keras, belajar, bekerja seharian suntuk di dalam bangunan memerlukan aktiviti rekreasi luar yang boleh mengurangkan ketegangan serta merehatkan tubuh badan serta fikiran. Ini dapat memulihkan kecergasan fizikal serta minda bagi meneruskan aktiviti seharian mereka dengan sihat dan berkualiti.

Kepadatan penduduk yang tinggi mengakibatkan kesesakan ruang dan tempat untuk bekerja serta tempat tinggal bagi masyarakat di bandaraya. Ini memberikan kesan yang kurang sihat terhadap persekitaran serta kualiti hidup. Tahap pencemaran akan bertambah tinggi, suhu akan meningkat dan penggunaan oksigen yang banyak adalah diperlukan.

Oleh itu, keperluan kawasan rekreasi yang berkualiti adalah sangat diperlukan oleh penduduk bandaraya bagi menyediakan keperluan rehat dan berekreasi, bagi mengurangkan tekanan dengan menjalankan latihan jasmani samada secara pasif ataupun aktif secara bersendirian, berkumpul atau berkeluarga di dalam kawasan yang selesa, selamat serta bebas dari pencemaran. Disamping itu, dapat menarik integrasi kaum dengan menjalankan aktiviti secara bersama melalui program atau kempen yang dirancang oleh pihak kerajaan.

1.2 **Penyataan Masalah**

Adalah menjadi sebahagian daripada tanggungjawab pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk menyediakan kemudahan infrastruktur serta kemudahan fasiliti sokongan kepada penduduk, pelancong serta pelabur. Ianya adalah untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti bagi memenuhi keperluan fizikal dan psikologi mereka semasa berada di bandaraya. Disamping itu juga ianya dapat menarik dan menjadi aset kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru kepada para pelancong serta pelabur agar berkunjung ke negeri ini dengan lebih kerap lagi. Ini sekaligus dapat meningkatkan pertukaran wang asing yang banyak kepada negeri dan negara kita. Usaha ini memerlukan satu perancangan dan pengurusan yang baik dan berkualiti bagi memastikan Majlis Bandaraya Johor Bahru mampu memenuhi keperluan ini dengan mudah.

Walau bagaimanapun isu yang sering timbul adalah masalah peruntukan yang besar diperlukan bagi menyediakan kemudahan ini, di mana ianya merangkumi aspek pembangunan taman rekreasi serta kos penyelenggaraan yang ditanggung selama taman ini ditubuhkan. Hal ini telah membebankan Majlis Bandaraya Johor bahru di dalam melaksanakan tanggungjawab bagi menyediakan keperluan masyarakat setempat.

Seterusnya, isu yang kedua pula ialah sistem pengurusan taman rekreasi awam yang lazimnya diuruskan mengikut cara tradisional atau cara lama di mana sistem pengurusan taman rekreasi awam sering diuruskan sebagai sebuah institusi awam dan tidak berteraskan komersial. Semua kemudahan yang disediakan adalah secara percuma sepenuhnya dan aktiviti-aktiviti yang disediakan adalah tidak mengambilkira keperluan pengguna semasa serta tidak menarik minat ramai lapisan pengguna untuk berkunjung ke taman rekreasi ini. Tarikan aktiviti rekreasi sahaja semata-mata tidak mampu menjana daya tarikan kepada pengunjung sekiranya tidak dilengkapi dengan perkhidmatan yang diperlukan oleh mereka semasa berada di taman rekreasi ini.

Hal ini dapat dilihat terutamanya dari segi aktiviti serta kemudahan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang lebih menumpukan kepada aktiviti-aktiviti rekreasi semata-mata tetapi kepada aktiviti-aktiviti yang mampu menjana pendapatan. Selain itu, pihak yang diberi tanggungjawab terhadap pengurusan taman rekreasi iaitu Pihak Berkuasa Tempatan kurang mahir dan tidak terlatih di dalam bidang yang diperlukan. Kemampuan ini sebenarnya memerlukan bantuan daripada pihak pengurusan yang professional bagi memberi tunjuk ajar perancangan untuk membangunkan keperluan taman rekreasi awam sebagai salah satu aset dan bukannya aktiviti-aktiviti yang biasa berbentuk sosial dan tidak menguntungkan.

1.3 Isu Kajian

Antara isu-isu yang dikenalpasti bagi membolehkan kajian ini diketengahkan ialah melihat pendekatan pengurusan fasiliti di dalam mempertingkatkan pengurusan Taman Rekreasi Hutan Bandar dengan lebih bekesan dan berdaya maju. Faktor yang sering menjadi punca penghalang bagi mempertingkatkan keupayaan Taman Rekreasi Hutan Bandar ini dibangunkan sebagai satu tempat yang berdaya maju adalah sistem pengurusan yang tidak menguntungkan serta bebanan kos penyelenggara yang tinggi yang ditanggung oleh pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Dari itu keberkesanan fungsi Taman Rekreasi Hutan Bandar ini tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh MBJB sebagai satu produk yang boleh memberikan impak kepada pengurusan serta imej MBJB itu sendiri. Antara isu-isu yang menjadi musabab sekaligus memberikan kesan ke atas faktor ini adalah: -

1. Kos penyelenggaraan kemudahan dan perkhidmatan yang tinggi.
2. Tidak dapat menarik ramai pengunjung di mana aktiviti-aktiviti yang disediakan adalah kurang dan tidak meliputi kemudahan yang bersesuaian kepada semua golongan dan lapisan kaum di dalam MBJB.
3. Pengurusan yang kurang berkesan dan tidak teratur oleh kakitangan yang tidak terlatih dan kurang berkemahiran dan berpengalaman di dalam pengurusan Taman

Rekreasi. Oleh itu ia tidak mampu untuk mengurus dan membuat perancangan dengan lebih baik dan berdaya maju.

1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah sistem pengurusan yang digunakan dalam menguruskan Taman Rekreasi Hutan Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru?
2. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya permasalahan dalam menyediakan kemudahan fasiliti rekreasi kepada masyarakat setempat?

1.5 Objektif Kajian

Antara objektif kajian yang akan dibuat adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut iaitu: -

- 1 Mengenalpasti sistem pengurusan Taman Rekreasi Hutan Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru di dalam menyediakan kemudahan fasiliti rekreasi kepada masyarakat setempat.
- 2 Mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya permasalahan dalam menyediakan kemudahan fasiliti rekreasi kepada masyarakat setempat.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian bagi mencapai objektif kajian ini adalah di khususkan kepada pengurusan Taman Rekreasi Awam Hutan Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru. Ianya adalah untuk melihat keberkesanan sistem pengurusan taman rekreasi awam dalam mencapai objektif serta peranannya dalam aspek pengurusan serta tanggungjawab Majlis Bandaraya Johor Bahru di dalam memberikan perkhidmatan servis kepada warga kota yang merupakan pelanggan MBBJ iaitu pembayar cukai.

Faktor pengurusan memainkan peranan penting bagi memastikan kejayaan di dalam menyediakan kemudahan fasiliti di Taman Rekreasi Hutan Bandar. Skop kajian ini akan memberikan tumpuan kepada: -

- a) Penumpuan kepada sistem pengurusan Taman Rekreasi Hutan Bandar MBBB akan diberikan sepenuhnya termasuk dari segi perancangan, pelaksanaan dan pengurusan operasi dan aktiviti, kewangan, kutipan hasil, penyelenggaraan, organisasi serta bidang tugas kakitangan yang terlibat secara khusus.
- b) Mengukur tahap pencapaian berdasarkan sambutan pengunjung yang menggunakan kemudahan yang disediakan serta kekerapan pengunjung menggunakan kemudahan yang disediakan.
- c) Aspek yang menyebabkan faktor sokongan kepada pencapaian tersebut seperti: -
 - 1. Reka bentuk yang unik dan memberikan impak yang jelas kepada pengunjung dan meyeronokkan.
 - 2. Kemudahan yang disediakan di dalam memenuhi kehendak serta keperluan pengunjung yang datang.
 - 3. Aktiviti-aktiviti yang menarik minat serta berguna kepada pengunjung.
 - I. Kepuasan pengunjung terhadap kemudahan serta aktiviti-aktiviti yang disediakan termasuk pengurusan yang cepat serta mesra pelanggan.
 - II. Kurangnya kerosakan disebabkan oleh vandalisme dapat mengurangkan risiko ke atas pengunjung yang datang.
- d) Kajian akan menumpukan kepada soal selidik dan maklumbalas daripada pengunjung dan kakitangan MBBB yang dilihat secara langsung terhadap persepsi mereka mengenai kemudahan serta aktiviti yang terdapat di dalam Taman Rekreasi Hutan Bandar berbanding dengan tahap jangkaan mereka.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini boleh memberikan sumbangan kepada beberapa pihak antaranya: -

- a) Majlis Bandaraya Johor Bahru.
- b) Dapat mengenalpasti bentuk pengurusan yang sesuai bagi menguruskan taman rekreasi awam supaya lebih berdaya maju dan tidak membebankan pihak MBBB.
- c) Pengurusan Fasiliti.

- d) Pihak pengurus fasiliti akan mendapat pendedahan baru di dalam bidang yang selama ini terabai dan kurang diberikan perhatian di mana potensi yang besar memerlukan sokongan dari pengurusan fasiliti yang lebih professional.
- e) Pengguna atau pelanggan.
- f) Pengguna dan pembayar cukai yang merupakan warga setempat MBBB akan mendapat kemudahan yang baik dan memuaskan, meningkatkan kualiti hidup mereka serta dapat menjimatkan kos berbanding untuk mendapatkan kemudahan yang diperlukan ditempat lain yang jauh serta memerlukan masa serta kos yang tinggi.

1.8 Metodologi kajian

Metodologi kajian akan dibahagikan kepada beberapa bahagian: -

1.8.1 Peringkat Pertama (Pengenalan)

Bahagian ini akan melibatkan kajian awal terhadap isu pengurusan taman rekreasi awam melalui temubual serta maklumat daripada pengurusan taman rekreasi awam Hutan Bandar serta pentadbiran MBBB. Kajian ini dibuat bagi mendapatkan isu sebenar yang dihadapi oleh organisasi yang terlibat didalam menguruskan taman rekreasi awam. Seterusnya menentukan objektif, skop kepentingan serta metodologi dan kaedah kajian yang digunakan untuk melaksanakan kajian ini.

1.8.2 Peringkat Kedua (Pengumpulan Data)

Dalam peringkat ini, dua jenis data yang digunakan untuk menjalankan kajian iaitu data primer dan data sekunder.

a. Data Primer

Untuk mencapai objektif kajian, data primer diperoleh melalui soalselidik yang akan diedarkan kepada responden yang terlibat serta temubual dengan pihak pengurusan dan pentadbiran MBBB bagi mendapatkan maklumat mengenai perancangan serta sistem pengurusan Taman Rekreasi Awam Hutan Bandar.

b. Data Sekunder.

Data sekunder pula diperolehi daripada sumber-sumber seperti buku, jurnal, majalah, artikel, internet, tesis, keratan akhbar, dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan kajian. Sumber-sumber ini membantu dalam menyampaikan konsep penting yang berkaitan dengan pengurusan taman rekreasi awam.

8.3 Peringkat Ketiga (Analisa Kajian)

Data primer dan sekunder yang dikumpulkan akan dianalisa dan diolah dengan menggunakan pendekatan yang sesuai untuk menjawab serta menyelesaikan permasalahan serta objektif kajian. Kaedah analisa yang akan dijalankan adalah dengan menggunakan analisa kekerapan dan Statistical Package for Social Science (SPSS).

8.4 Peringkat Keempat (Kesimpulan dan Cadangan)

Hasil yang diperolehi daripada peringkat analisa akan dijadikan sebagai rumusan atau kesimpulan ke atas kajian yang telah dijalankan. Seterusnya cadangan-cadangan yg sesuai akan diberikan bagi mencapai objektif kajian serta permasalahan yang dihadapi.

1.9 Kesimpulan

Bab 1 (Pengenalan)

Bab ini merangkumi latar belakang kajian yang meliputi pengenalan, pernyataan masalah, isu kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, dan kesimpulan.

Bab 1 adalah merujuk kepada pengenalan bagi latar belakang kajian dan permasalahan kajian ditentukan. Bab ini juga menunjukkan proses permulaan kajian dan merangka langkah-langkah yang perlu diikuti secara teratur agar kajian dapat dijalankan secara lebih terancang.

Terdapat beberapa kesan yang timbul yang disebabkan oleh sistem pengurusan yang kurang teratur yang dibuat oleh pihak pengurusan yang kurang mahir untuk menguruskan Taman Rekreasi Awam Hutan Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru ini. Oleh hal sedemikian dalam kajian ini penulis akan menjalankan kajian dengan menebual orang awam dan pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk mendapatkan maklumat mengenai permasalahan tersebut. Selain itu juga penulis akan mengedarkan borang soalselidik untuk mengetahui sebab kurangnya pengunjung atau pelawat yang datang ke Taman Rekreasi Awam Hutan Bandar tersebut.